

30/08/2002

Kemajuan bola sepak negara perlukan `korban`

Zukri Valentino

BOLA sepak Piala Dunia, Jun lalu, mengangkat darjat Korea Selatan dan Jepun yang menunjukkan semangat juang tinggi. Ucapan lebih bermakna harus ditujukan kepada Korea diiringi sorakan "Korea Team Fighting" yang membawa mereka sehingga ke peringkat separuh akhir.

`Red Devils' Korea membuktikan bahawa mereka boleh. Dan, apabila tirai kejohanan dilabuhkan sehingga 2006 di Jerman, kita harus merenung sejenak perkembangan bola sepak Malaysia yang sehingga kini belum menampakkan tanda-tanda pemulihan!

Baru-baru ini, kita diaibkan oleh pasukan jiran dan seperti biasa, tindakan susulan Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) hanya seperti hangat-hangat tahi ayam.

Ada orang bertanya apakah kita mampu bersaing di pentas bola sepak Piala Dunia? Saya ingin menjawab dengan pertanyaan mudah - mahu atau tidak mahu?

Kalau kita mahu, saya berikan tempoh lapan tahun dari sekarang, pada Piala Dunia 2010, pasukan bola sepak kebangsaan akan beraksi di Piala Dunia!

Sekiranya segala persiapan berjalan lancar, maka kita akan mempunyai sebuah pasukan yang hampir mantap pada pusingan kelayakan 2006 dan tiga tahun selepas itu, matlamat mempunyai pasukan yang mampu bersaing pada Piala Dunia 2010 akan menjadi kenyataan, Insya-Allah.

Ini bukan cakap-cakap kosong kerana setiap kejayaan harus bermula dengan sebuah impian. Impian ini hendaklah diterjemahkan kepada perancangan rapi, pengurusan cekap dan bersistematik, pengorbanan, iltizam yang tidak mudah goyah dan pelaksanaan yang tepat mengikut prosedurnya, seperti sesuatu perancangan misi ketenteraan.

Kita tidak boleh lagi memikirkan yang remeh-temeh kalau kita bersungguh-sungguh hendak berjaya, seperti juga dalam bidang lain yang menjadikan Malaysia terkenal di dunia.

Selepas menyaksikan kejayaan Korea mencatat kemenangan pertamanya pada Piala Dunia sehinggalah kandas di peringkat separuh akhir, dan menyedari betapa negara yang kecil jumlah penduduknya seperti Slovenia, Croatia, Denmark, Belgium dan Sweden manakala negara yang lebih `miskin` daripada kita seperti Senegal, Cameroon, Paraguay, Ecuador, Tunisia dan Costa Rica mampu menghantar pasukan ke pentas bola sepak paling utama, kita bertanya kenapa kita tak boleh.

Seperti biasa, saya suka berkata, "Jangan tanya kenapa mereka boleh tapi tanyalah mengapa kita tak boleh?" Jawabannya, seperti di atas, kita boleh hanya dan kalau kita mahu.

Pertamanya, kita hendaklah mempunyai keinginan untuk berjaya kerana tanpa hasrat, kita semua janganlah buat lawak tak tentu pasal, seperti kata orang Kedah "Lambat siang orang main bola, hangpa pun nak main jugak!"

Kita kenalah tepuk dada tanya selera dan kalau kita laparkan kejayaan, maka kita akan mencari jalan untuk berjaya.

Kita sudah buktikan dan anak Kedah yang terkenal di Malaysia ini, iaitu Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sudah membuktikan bahawa kita boleh kalau kita mahu.

Sebenarnya kita di Malaysia ini tidak ada sebab atau alasan munasabah untuk tidak menghantar pasukan bola sepak kita ke tahap yang lebih jauh daripada `kandang` sendiri".

Seperti mana yang kita ketahui, Liga M yang semakin hari semakin hambar,

tawar dan menjemukan serta tidak akan membawa standard bola sepak kita ke mana pun!

Kononnya kita berbangga mempunyai liga bola sepak profesional seperti orang lain tetapi kita sedarkah bahawa gelanggang bola sepak kita itu hanya meletakkan taraf pasukan bola sepak Malaysia di tangga ke-102 dunia!

Ini amat memalukan bagi sesebuah negara yang aktif dalam sukan, dahsyat dengan promosi sukan, mempunyai prasarana sukan yang tidak pun dimimpikan oleh orang lain dan mempunyai jumlah peruntukkan yang hanya diidamkan oleh negara seperti Costa Rica, Paraguay, Senegal, Cameroon, Slovenia dan Croatia. Jadi di mana silapnya? Silapnya ialah kita tidak tahu nak buat apa!

Kita sedia maklum bahawa FAM adalah satu-satunya persatuan sukan di negara ini yang kaya dengan wang ringgit dan kemudahan. Persatuan ini juga mendapat sokongan padu kerajaan.

Kedua-dua Presiden FAM dan Timbalan Presiden FAM telah memberi kepercayaan dan meletakkan harapan kepada 'panglima' mereka untuk merangka strategi, teknik pelaksanaan, rangka kerja dan bermacam lagi untuk dilaksanakan.

Namun, sehingga hari ini peminat bola sepak di Malaysia masih menunggu sentuhan berbisa untuk melahirkan sebuah pasukan bola sepak yang sebenarnya. Masalahnya, kepercayaan ini diberikan kepada orang yang tidak mempunyai idea bagaimana hendak majukan bola sepak Malaysia!

Sebenarnya, kita tidak boleh salahkan Sultan Pahang dan Tengku Abdullah dalam hal ini kerana mereka berdua telah menjalankan tugas dengan baik.

Yang tidak baiknya ialah orang yang berada di sekeliling mereka, dan yang saya maksudkan ialah orang yang diberikan kepercayaan untuk membaik pulih bola sepak Malaysia, yakni mereka yang berjawatan dalam FAM.

Saya katakan begitu kerana yang ada hari ini ialah pasukan bola sepak bertaraf budak sekolah yang kita paksa untuk memberikan hasil di medan bola sepak orang dewasa.

Contohnya, Allan Harris. Siapa dia Allan Harris ini? Apakah kejayaannya sebelum menjual ubatnya kepada FAM sehingga menerima gaji lumayan dengan segala kemudahan?

Kalau setakat kelahiran sebuah pasukan bola sepak Malaysia seperti yang ada hari ini, saya sifatkan beliau gagal menjalankan tugasnya dan sepatutnya digantikan dengan individu yang lebih berwibawa.

Ada di kalangan kita masih beranggapan bahawa rakyat Britain pakar dalam bola sepak sedangkan ia sebenarnya tidak lagi begitu.

Jurulatih terkenal dunia seperti Arsene Wenger, Rinus Michels, Dick Advocaat, Bora Milutinovic, Gus Hiddink dan contoh paling dekat, Karl Weigang, bukan rakyat Britain dan mereka telah membuktikan bahawa sentuhan mereka berbisa dalam melahirkan pasukan berkualiti.

Andai wang bukanlah masalahnya, kenapa kita tidak boleh menukar selera dalam memilih jurulatih bola sepak kebangsaan kita?

Mungkin kali ini kita perlukan jurulatih daripada negara gergasi bola sepak seperti Brazil atau benua Eropah mengambil alih pasukan kebangsaan kita.

Andai wang tidak menjadi masalah, ayuhlah kita lakukan perubahan sekarang. Kalau sudah sekian lama gaya permainan bola sepak Britain tidak sesuai dengan orang Malaysia, kita perlukan perubahan kepada gaya bola sepak yang lebih baik, contohnya Amerika Latin atau sekurang-kurangnya Afrika. Malah, Korea dan Jepun tidak dilatih oleh Inggeris.

Satu lagi alasan yang sering diberikan ialah saiz orang Malaysia yang kecil dibandingkan dengan fizikal lawan. Ini tidak masuk akal kerana kalau kita ambil contoh Piala Dunia, pemain seperti Michael Owen, Alvaro Ricoba, Hernan Crespo, Paul Scholes, Ariel Ortega, Juninho, malah pemain terhebat dunia, Diego Maradona sendiri tidak bersaiz besar tetapi mereka mampu

bersaing.

Ambil juga contoh pemain Korea dan Jepun, bukan semuanya bersaiz besar. Lantaran saiz fizikal mereka sama saja dengan orang Malaysia, saya bertanya lagi "pasai apa depa boleh, pasai apa kita tak boleh?"

Kita masih mempunyai masa untuk membentuk sebuah pasukan bola sepak yang bakal beraksi di pentas Piala Dunia. Akan tetapi kita hendaklah mempunyai keinginan untuk berbuat demikian.

Sebagai peminat bola sepak bermula dengan Piala Dunia yang saya kenali sebagai Mexico 1970, saya merayu perhatian sewajarnya daripada FAM untuk menebus maruah Malaysia dengan segala apa yang kita ada.

Ketepikanlah segala ego dan fikirkanlah masa depan pasukan kebangsaan dengan bersungguh-sungguh dan lakukanlah apa yang patut untuk membela nasib bola sepak di Malaysia ini.

Seperkara yang perlu diberi perhatian ialah orang politik tidak seharusnya mencampuri urusan bola sepak Malaysia. Kita sudah cukup dengan kerenah orang politik dan buktinya berlaku di Selangor dan Kedah. Lantaran diterajui oleh orang politik, bola sepak hancur!

Urusan bola sepak hendaklah diserahkan kepada golongan profesional yang amat tahu mengenai pengurusan bola sepak dan mereka hendaklah diberi nasihat oleh bekas-bekas pemain kita yang terkenal.

Sebagai peminat yang masih mengharapkan Malaysia mampu kembali mengambil tempat di gelanggang bola sepak antarabangsa, saya ingin memberi harapan bahawa kita boleh mengibarkan Jalur Gemilang di pentas Piala Dunia hanya apabila kita mahu.

Kepada mereka yang bijak pandai di Wisma FAM, saya ingin berpesan bahawa kesanggupan memegang jawatan bermakna sanggup berkorban dan apabila kita sanggup berkorban, maka ia bermakna bahawa kita akan melakukan apa saja untuk memastikan bola sepak Malaysia tidak akan menjadi korban.

ZUKRI VALENTENO,
Alor Star, Kedah.